

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

3. Sejauh manakah larangan import sisa plastik dikuatkuasakan khasnya di Pulau Pinang?
 - (a) Senaraikan kilang-kilang yang beroperasi memproses import sisa plastik mengikut daerah, lokasi dan keberatannya.
 - (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa Pulau Pinang tidak dijadikan destinasi pembuangan sisa plastik oleh negara maju di Eropah seperti UK?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Punca kuasa bagi meluluskan import sisa plastik berada di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sehubungan itu, larangan import sisa plastik oleh Kerajaan Negeri adalah selaras dengan larangan import sisa plastik kod tarif HS 3915 yang dikuatkuasakan oleh KPKT pada 23 Julai 2018 untuk tempoh 3 bulan. Larangan tersebut terpakai di seluruh Negeri Semenanjung Malaysia dan Sarawak selaras dengan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017. Di samping itu, KPKT melalui JPSPN akan menubuhkan satu pasukan petugas (*Taskforce*) *Approved Permit* (AP) sisa plastik

yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPSPN untuk mengkaji semula prosedur dan polisi semasa bagi pengimportan sisa plastik kod tarif HS 3915. Keanggotaan *taskforce* tersebut terdiri daripada agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KASTAM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

- (a) Kilang-kilang yang beroperasi memproses sisa plastik *import* di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Kerajaan Negeri memandang serius terhadap isu sisa plastik *import* yang berlaku di Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui JAS dan Pihak Berkuasa Tempatan akan memantau pematuhan operasi kilang-kilang yang mengimport sisa plastik supaya selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa. Pada masa ini, pendirian Kerajaan Negeri adalah selaras dengan ketetapan KPKT.